



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (29 DISEMBER 2022)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyokong tindakan Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menggesa kerajaan Afghanistan untuk mengkaji semula keputusan menyekat kemasukan golongan wanita ke universiti di negara itu, seperti yang diumumkan pada 20 Disember.

Sebagai negara anggota Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), tindakan Afghanistan mengecualikan wanita daripada memperoleh pendidikan adalah satu bentuk diskriminasi sistematik dan pelanggaran yang jelas terhadap konvensyen tersebut. Langkah itu juga melanggar Perkara 9 dalam Perisytiharan Kaheerah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam (CDHRI) yang menjamin akses yang sama kepada pendidikan kepada semua orang termasuk wanita. CDHRI diterima pakai oleh Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) negara dan dibangunkan berdasarkan pengajaran Islam.

Pendidikan adalah penting untuk perkembangan individu serta untuk menambah baik keadaan sesebuah negara dan ia diterima secara sejagat. Sasaran 4 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) menggariskan cadangan mengenai langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan hak pendidikan yang sama dan tiada yang ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti kerana kejayaan sesebuah negara bergantung pada tahap pendidikan rakyatnya.

SUHAKAM menyeru Kerajaan Malaysia untuk memanfaatkan kedudukannya sebagai ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk menggalakkan kerajaan Afghanistan supaya menerima idea pembentukan sebuah kerajaan inklusif yang menghormati kemahuan rakyat Afghanistan dan mengembalikan, menghormati, dan menegakkan hak-hak asasi wanita dan kanak-kanak perempuan Afghanistan.

**-TAMAT-**

**Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad  
Pengerusi  
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)  
29 Disember 2022**